



Hari Persahabatan Sedunia di GWPS


Sekolah kami menyambut Hari Persahabatan Sedunia pada 6 April 2022. Temanya pula ialah 'Singapore in Asia'. Ia merupakan hari yang penting kerana kami digalakkan untuk menjalin hubungan baik dengan negara-negara lain dan memahami kepentingan hubungan baik antara Singapura dan negara-negara ASEAN.

Pada tahun ini, sekolah kami telah menyediakan pelbagai aktiviti yang bersesuaian untuk Primari 1 hingga 6. Namun, objektifnya sama. Kita dapat mempelajari tentang tradisi dan budaya negara lain, mengetahui cara-cara kita boleh saling bantu-membantu, memberi sokongan dan menghargai perbezaan antara negara yang unik.

Sekolah kami memilih beberapa orang murid berwarganegara lain untuk berkongsi tradisi dan budaya unik negara mereka seperti makanan tradisional, pakaian dan fakta-fakta menarik tentang negara mereka.

Sebagai sebuah negara ASEAN, Singapura telah memainkan peranan penting dalam membantu negara lain sewaktu pandemik Covid-19. Singapura bersama kesembilan-sembilan negara ASEAN gigih mempromosikan semangat persahabatan dan kolaborasi. Sebagai contoh, pada masa pandemik ini, Singapura cuba sedaya-upaya untuk membantu negara-negara lain mengatasi masalah negara mereka seperti kekurangan makanan dengan menderma bekalan makanan.

Di samping itu, kami juga mempelajari tentang respons Singapura terhadap masalah ketegangan antara Rusia dan Ukrain. Singapura bersikap tegas dan adil dengan tidak memihak kepada satu negara apabila ada ketegangan kerana Singapura mahu menegakkan prinsipnya iaitu kemanusiaan dan menentang keganasan terhadap orang lain.



Dilaporkan oleh:
Eshaan Mateen Bin
Muhammad Nur Firdaus
(5 Respect)

Hari Persahabatan Sedunia di GWPS

Singapura harus mempunyai hubungan baik bersama negara-negara ASEAN kerana kita bertanggungjawab untuk membina masyarakat yang baik. Jika hubungan yang baik dapat dikekalkan, maka negara kita akan terus maju, tidak bermusuhan dan rakyat-rakyatnya akan dapat hidup aman. Kita juga dapat menjalankan projek-projek yang berfaedah untuk semua negara dan bukan mengakibatkan pergaduhan. Sekiranya terdapat negara ASEAN yang mengalami masalah, kita boleh saling bekerjasama untuk menghulurkan bantuan yang diperlukan.

Singapura merupakan sebuah negara yang kecil yang tidak ada sumber semula jadi. Jika Singapura tidak mempunyai hubungan baik dengan negara-negara ASEAN, banyak keburukan boleh terjadi. Kita tidak akan memperoleh sumber makanan, air dan minyak yang mencukupi serta keperluan penting dari negara-negara lain. Rakyat akan menjadi mangsa keadaan dan hidup dalam kesengsaraan. Sebab itulah, kita harus bersahabat dan menjalinkan serta mengekalkan hubungan yang baik dengan negara-negara jiran. Jika terdapat masalah antara negara, kita harus berbincang dan menyelesaikannya dengan baik.

Kami telah berpeluang untuk memperagakan pakaian tradisional seperti pakaian orang Melayu, India, Cina, Korea, Jepun, Filipina dan Vietnam. Selain itu, kami juga berkesempatan untuk bermain permainan tradisional seperti guli, capteh, sepak raga, bola sepak, gasing dan congkak. Di dalam kelas pula, guru kami telah menjalankan aktiviti meneka nama negara. Kami harus memadankan nama negara dengan benderanya. Kami berasa seronok mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti tersebut.

Dilaporkan oleh:



Nur Adlina Binte
Md Azhar (5 Resilience)



Isra Ashahab Binte
Syed Afdilah (5 Respect)



Naufalhaqqi
Bin Hassan (5 Care)



Daniel Elyas Bin
Khairuddin (5 Responsibility)

